

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MPLUS PERBANDARAN MUAR, JOHOR

OLEH
NORHASNIZA BINTI ABDULLAH SANI
SARJARA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (FPE)
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

2599

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039821

LI 55 FPE 1 2005



1100039821

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Muar Johor
/ Norhasniza Abdullah Sani.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039821	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

4
55
FPE
1
2005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS PERBANDARAN MUAR, JOHOR

**DI SEDIAKAN OLEH:
NORHASNIZA BINTI ABDULLAH SANI
(UK 8905)
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Ekologi dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**


2005

1100039821

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **NORHASNIZA BINTI ABDULLAH SANI (UK 8905)** mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Disediakan Oleh:-




Nama: Norhasniza Binti Abdullah Sani

Nombor Matriks: UK 8905

Tarikh: 14 November 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

Cik Nor Hayati Sa'at

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat jua saya menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri yang ditempatkan di Majlis Perbandaran Muar (MPM). Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelaras dan urusetia Program Polisi dan Sekitaran Sosial yang juga merangkap sebagai penyelia KUSTEM iaitu Cik Nor Hayati Sa'at kerana telah banyak memberi saya tunjuk ajar, dorongan serta galakkan yang berguna sehingga saya dapat menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini dengan masa yang telah ditetapkan. Tidak lupa juga kepada Puan Asmawati Ngah selaku urusetia Latihan Industri Bagi Program Polisi dan Sekitaran Sosial yang banyak membantu saya dalam mencari tempat Latihan Industri.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan di Majlis Perbandaran Muar (MPM) iaitu En. Jon Bin Ahmad juga selaku penyelia Latihan Industri serta urusetia Pelajar Praktikal iaitu Puan Rosnah bt. Yusof yang telah banyak membantu saya serta memberi tunjuk ajar yang amat berguna kepada saya sepanjang saya menjalani Latihan Industri di MPM. Tidak lupa juga kepada semua Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan pekerja MPM yang banyak membantu saya serta memberikan maklumat yang berguna dalam menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan sokongan dan galakkan serta bantuan kewangan dalam menjayakan Latihan Industri ini. Tidak lupa juga kepada semua rakan sepejuangan yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini. Hasil kerjasama semua, saya akhiri dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian Terima Kasih.

Norhasniza Binti Abdullah Sani (UK 8905)

Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN
PENGHARGAAN
ISI KANDUNGAN

i
ii - iii
iv - vi

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan	1
1.2 Sejarah Penubuhan Majlis Perbandaran Muar	2 - 4
1.3 Pelan Kawasan Tadbiran Muar	4
1.4 Maklumat Organisasi	5
1.4.1 Profil Organisasi	6
1.4.2 Definisi Logo	7
1.4.3 Jata Majlis Perbandaran Muar (MPM)	8 - 9
1.4.4 Bendera Majlis Perbandaran Muar	10
1.4.5 Objektif MPM	11
1.4.6 Visi MPM	12
1.4.7 Misi	12
1.4.8 Piagam Pelanggan	12 - 13
1.5 Struktur Organisasi	14 - 15
1.5.1 Carta Organisasi Majlis Perbandaran Muar	16
1.6 Aktiviti Organisasi	17
1.6.1 Jabatan Khidmat Pengurusan	17 - 18
1.6.2 Jabatan Kewangan	18 - 19
1.6.3 Jabatan Kejuruteraan	19 - 20
1.6.4 Jabatan Perancang Bandar dan Bangunan	20
1.6.5 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	21
1.6.6 Jabatan Perundangan dan Penguatkuasaan	22
1.6.7 Jabatan Perlesenan dan Kesihatan Awam	23
1.6.8 Jabatan Kawalselia	24 - 25
1.7 Kemahiran yang dipelajari	25
1.7.1 Perhubungan Pelanggan	25 - 26

1.7.2 Pemprosesan surat	26 - 27
1.7.3 Membuat minit mesyuarat	27 - 28
1.7.4 Membuat Kertas Kerja	28 - 29
1.7.5 Pengurusan Fail Personel / Tugasan	29 - 30
1.7.6 Melukis Pelan Rumah	30 - 31
1.7.7 Mengira Cukai Harta	31
1.7.8 Menguruskan Sesuatu Program / Majlis	31 - 32
1.7.9 Membuat Peralatan Muzik Tradisional	32 - 33
 1.8 Rumusan	 33

BAB 2 : MENGENALPASTI SISTEM SEDIA ADA, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Pengenalan	34
2.2 Sistem Sedia Ada	34
2.2.1 Sistem Perakam Waktu	34 - 35
2.2.2 Sistem Pengurusan Komputer	35
2.2.3 Sistem Perhubungan Pelanggan	35 - 36
2.2.4 Sistem Fail	36
2.2.5 Sistem Surat Menyurat	36 - 37
2.2.6 Sistem Pembacaan Doa	37
 2.3 Mengenalpasti Masalah	 37
2.3.1 Penyalahgunaan Sistem Perakam waktu	37 - 38
2.3.2 Virus Komputer	38
2.3.3 Kaunter Perhubungan Pelanggan	39
2.3.4 Sistem Pengurusan Fail	39 - 40
2.3.5 Karenah Birokrasi	40
 2.4 Cadangan dan Penyelesaian	 40
2.4.1 Penyalahgunaan Sistem Perakam waktu	40
2.4.2 Virus Komputer	41
2.4.3 Kaunter Perhubungan Pelanggan	41
2.4.4 Sistem Pengurusan Fail	42
2.4.5 Karenah Birokrasi	42
2.5 Rumusan	43

BAB 3 : PENUTUP

RUMUSAN ANALISIS DAN PERBINCANGAN

3.1 Pengenalan	44
3.2 Analisis Dalaman	44
3.2.1 Kekuatan	44 - 46
3.2.2 Kelemahan	46 - 48
3.3 Analisis Luaran	48
3.3.1 Peluang	48 - 49
3.3.2 Ancaman	50 - 51
3.4 Rumusan	51

BAB 4: KESIMPULAN

4.1 Pengenalan	52
4.2 Lakaran Pengharapan	53 - 54
4.3 Penutup	54

RUJUKAN	55
----------------	-----------

LAMPIRAN	56
-----------------	-----------



BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan

Latihan Industri (LI) merupakan aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM. Melalui LI, pelajar yang di tempatkan di agensi awam atau swasta berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung bagi sesuatu bidang pekerjaan. Dalam masa yang sama, dengan cara ini dapat mendedahkan pelajar dengan dunia pekerjaan disamping turut mendalami aspek pentadbiran dan pengurusan dalam sesebuah organisasi.

Dalam bab ini juga menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai latihan industri yang dijalankan di Majlis Perbandaran Muar (MPM) serta latar belakang dan kemahiran yang pelatih perolehi dari latihan industri.



1.2 Sejarah Penubuhan Majlis Perbandaran Muar

Majlis Perbandaran Muar (MPM) atau sebelum ini dikenali sebagai Majlis Daerah Muar Selatan (MDMS) telah ditubuhkan pada 01 Ogos 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 (Akta 124) oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut warta Kerajaan Johor Bil. 1014 bertarikh 18 Disember 1975 melalui J.P.U 18, terdiri daripada 24 orang ahli Lembaga Pengurus Majlis Daerah. Dimana Pegawai Daerah Muar sebagai Pengerusi, 20 ahli yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan 3 orang ahli Ex-Officio.

Pada 24 Oktober 1950, setelah “The Local Authorities Ordinance, 1950” telah diluluskan di bawah seksyen 51 (1), dengan perintah Sultan dan sebagaimana yang diwartakan dalam Warta Kerajaan Johor bertarikh 6 Mac 1952, maka wujudlah Perlembagaan Majlis Bandaran Bandar Maharani. Dengan berpandukan kepada “The Local Authorities Ordinaces, 1950” telah wujud juga Majlis-Majlis Tempatan Parit Jawa, Bukit Bakri, Bukit Pasir, Panchor, Pagoh, Lenga dan Bukit Kepong. Tadbiran Majlis-Majlis Tempatan ini berjalan dari 1 Ogos 1976 sehingga 31 Julai 1976 dan di satukan di bawah tadbiran Majlis Daerah Muar Selatan.

Majlis Daerah Muar Selatan telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Muar berkuatkuasa mulai 1 Januari 2001. Sambutan perisytiharan Majlis Perbandaran Muar telah diadakan selama sebulan iaitu dari 1 hingga 30 April 2001 di mana acara kemuncaknya telah diadakan pada 14 April 2001 termasuk




upacara merasmikan Tugu Peringatan Perbandaran oleh Menteri Besar Johor, YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman.

Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Muar meliputi kawasan seluas 353 kilometer persegi atau 15.04% daripada keseluruhan Daerah Muar (2,346.4 kilometer persegi). Sejak ditubuhkan pada 1 Ogos 1976, Majlis Daerah Muar Selatan telah mempunyai 6 peringkat kawasan tadbirannya sebagaimana yang telah diwartakan. Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Muar telah diperluaskan bersesuaian dengan peningkatan dan pertambahan fungsi-fungsi sedia ada. Ini bertujuan bagi menyelaraskan dan mengawal pembangunan sektor-sektor perindustrian, perdagangan, perumahan dan infrastuktur disamping dapat mengekalkan keindahan alam sekitar yang mempunyai nilai yang tinggi. Dengan penambahan peluasan kawasan, maka kawasan tadbiran Majlis Perbandaran Muar secara keseluruhan adalah seluas 616 kilometer persegi.

Bandar Maharani merupakan Bandar yang terpenting di Daerah Muar yang berperanan sebagai pusat pentadbiran, perniagaan, sosial dan perindustrian bersesuaian dengan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk. Bandar Muar semakin pesat membangun secara bersepadu dan terancang dengan pembangunan sektor harta tanah, insurans dan perkhidmatan perniagaan semakin meningkat. Dengan wujudnya kawasan perindustrian di bawah MPM seperti Tanjung Agas, Pagoh, Bukit Bakri, Bukit Pasir dan Parit Jamil telah menarik minat para pelabur multinasional seperti kilang ST microelektronik yang mengeluarkan komponen elektronik untuk di eksport dan kegunaan tempatan.

Manakala Kawasan Perindustrian Parit Jamil Pula khusus kepada pengeluaran produk berasaskan kayu dan aktiviti hiliran yang lain.

1.3 PELAN KAWASAN TADBIRAN MUAR





1.4 Maklumat Organisasi

Majlis Perbandaran Muar terbahagi kepada 8 buah Jabatan iaitu Jabatan Pentadbiran, Jabatan Kewangan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan dan Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perundangan dan Penguatkuasaan, Jabatan Kawalselia dan Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Awam.

Secara keseluruhannya, terdapat 365 orang pekerja yang terdiri daripada 291 orang pekerja lelaki dan 41 orang pekerja wanita.

Kegiatan utama yang dijalankan oleh MPM adalah adalah berbentuk perkhidmatan yang diberikan seperti khidmat membayar cukai, menyampaikan imformasi dan komunikasi Majlis dengan orang awam serta agensi-agensi kerajaan, swasta dan menyelaras segala hal ehwal dan aktiviti rasmi Majlis. Selain itu, MPM menyelaraskan dan memastikan kelancaran majlis-majlis rasmi kerajaan serta Program Kemasyarakatan bagi mencapai matlamat Majlis.



1.4.1 Profil Organisasi

Nama Organisasi : Majlis Perbandaran Muar (MPM).

Alamat : Karung Berkunci No. 516,
84009 Muar,

Johor Darul Takzim.

No. Telefon : 06-9541075

Fax : 06-9522691

Hotline : 06-9522207

E-mail : mdms@po.jaring.my

Bentuk Organisasi : Sektor Kerajaan.

Kegiatan Terlibat : Perkhidmatan.

Bilangan Pekerja : 365 orang.



1.4.2 DEFINISI LOGO



Bulan sabit dan bintang melambangkan identiti Negeri Johor Darul Takzim.


Huruf ‘mim’ merupakan huruf permulaan ejaan ‘Muar’ ini disusun secara bersilang bagi melambangkan integrasi nasional. ianya seolah-olah anyaman bagi menggambarkan penggalakkan kreativiti dan inovasi

Struktur berbentuk bunga sedang kembang berwarna kuning melambangkan semangat dan aspirasi warga MPM yang ingin membentuk kecemerlangan pembangunan ekonomi dan sosial.

Moto Cekap, Amanah, Dinamik dan Makmur merupakan cogankata yang menepati ciri-ciri kerajaan tempatan yang menjalankan pentadbiran yang cekap dan efisien, memiliki sikap amanah dan jujur serta mempunyai sifat dinamik.

Nama Majlis Perbandaran Muar diletakkan diatas alasan berwarna hijau bagi menggambarkan aspek kebersihan dan alam sekitar amat ditik beratkan

1.4.3 JATA MAJLIS PERBANDARAN MUAR (MPM)



Jata Majlis Perbandaran Muar (MPM) menggambarkan Bandar Muar sebagai pusat pentadbiran, pendidikan, perdagangan dan perindustrian yang unik. Ia juga melambangkan Majlis Perbandaran Muar sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pembangunan Bandar Muar yang merupakan pintu masuk utama Negeri Johor Darul Ta'zim.

Jata ini merupakan simbol-simbol yang menjelaskan mengenai ciri-ciri utama Daerah Muar dan Peranan Majlis Perbandaran Muar:-

Dua ekor harimau	Melambangkan keberanian dan ketegasan dalam melaksanakan Akta dan undang-undang kecil yang terpakai oleh Majlis Perbandaran Muar.
Bulan dan bintang	Melambangkan identiti Negeri Johor Darul Takzim dan MPM menjunjung islam sebagai agama rasmi.



Huruf “M”	Melambangkan MPM sentiasa mengamalkan konsep 4M iaitu “Man, Method, Machinery & Money” dalam membangunkan Bandar Muar.
Logo MPM	Melambangkan MPM sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab mentadbir kawasan tadbirannya.
Warna Biru Tua	Melambangkan kawalan pembangunan yang lebih komprehensif dan terancang.
Warna Biru Muda	Melambangkan kawasan tadbiran Majlis Perbandaran Muar.



1.4.4 BENDERA MAJLIS PERBANDARAN MUAR



Jalur-jalur biru, merah dan putih yang terdapat pada bendera Majlis Perbandaran Muar adalah juga merupakan warna asas negeri Johor Darul Ta'zim membawa maksud Majlis Perbandaran Muar adalah Pihak Berkuasa Tempatan dalam negeri Johor Darul Takzim.

 Jalur berwarna biru tua adalah melambangkan Majlis Perbandaran Muar mengutamakan Konsep Mesra Rakyat di dalam memberikan perkhidmatan

 Jalur berwarna putih adalah melambangkan ketelusan Majlis Perbandaran Muar dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

 Jalur berwarna merah adalah melambangkan Majlis Perbandaran Muar sentiasa bertindak berlandaskan undang-undang yang diguna pakai.

1.4.5 Objektif MPM

- 1) Memberi perkhidmatan sebaik mungkin kepada pembayar-pembayar cukai serta mengatur dan mengawal pembangunan di kawasan operasinya.
- 2) Mempertingkatkan prestasi pentadbiran MPM agar selaras dengan dasar-dasar aspirasi orang awam dan Kerajaan.
- 3) Mempertingkatkan perancangan dan kawalan perancangan termasuk penyediaan rancangan-rancangan pembangunan dan kawalan perancangan (termasuk rancangan struktur, rancangan tempatan dan pelan-pelan tindakan) dan pelan-pelan pengawasan (Zon Planning) agar lebih tersusun dan seimbang.
- 4) Mengindahkan kawasan MPM sejajar dengan aspirasi dan harapan kerajaan serta penduduk tempatan.
- 5) Menambahkan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perniagaan serta penyusunan semula masyarakat.
- 6) Menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu di samping mengadakan usahasama dengan syarikat-syarikat swasta sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan yang lebih ekonomik.